

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELASDEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
[SEMBRONG]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan jangka masa panjang yang dianggarkan oleh Kerajaan sekiranya skim lantikan kontrak baharu akan menggantikan skim tetap dan berpencen bermula tahun 2020.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang berusaha untuk menambah baik Skim Perkhidmatan Awam bagi menjamin kebajikan anggota-anggota perkhidmatan awam di bawah **Kajian Pembaharuan Perkhidmatan Awam**, yang antara lain meliputi aspek perkhidmatan, kemajuan kerjaya, saraan, pasca perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada penjawat awam. Cadangan melaksanakan Skim Lantikan Kontrak bagi menggantikan Skim Lantikan Tetap dan Berpencen dalam perkhidmatan awam **masih di peringkat kajian** dan Kerajaan belum membuat keputusan muktamad berhubung cadangan tersebut.